

# Qalam

Rabi' al-Awwal 1388

Jun 1968

Bilangan 212

60 sen.

## Menyambut Keputeraan Muhammad (S.A.W)

Di mana-mana tempat umat Islam hari ini menunjukkan kecintaannya memperingati pemimpin agung, Muhammad (S.A.W), pembawa agama yang menjadi rahmat kepada seluruh alam. Ini menunjukkan bahawa umat Islam adalah cinta kepada Junjungan mereka – mengenang kepada jasa-jasa *Sayyid al-Amin*

Muhammad *salla Allahu 'alayhi wa Sallam*.

Tetapi kecintaan yang dijalankan dan dilakukan oleh umat Islam hari ini umumnya, cinta kulit, bukan cinta yang sebenar kerana kita tidak melengkapi sifat-sifat yang digambarkan oleh Tuhan menjadi pengikutnya kepada Muhammad seperti yang difirmankan oleh Allah *Subḥānahu wa Ta 'ālā*:

*Muhammad rasūl Allāh wa al-khalīfa mā'ālu  
ashiddā'u 'ala al-kuffār ruḥamā' baynahum.*

Maksudnya: "Muhammad itu Rasul Allah dan pengikut-pengikutnya adalah mereka mereka yang tegas kepada orang-orang kafir dan berkasih sayang di antara sesama mereka."

Pengikut-pengikut Muhammad hari ini, kebanyakannya tidak lagi tegas terhadap orang-orang kafir. Mereka membantu mendirikan persembahan mereka padahal Allah menegah umat Muhammad menolong berbuat demikian. Umat Muhammad disuruh berjiran dan berbaik-baik kepada jiran-jirannya walaupun kafir tetapi diharamkan menolong persesembahan yang menyengutkan Allah kerana agama Islam adalah didatangkan untuk menghapuskan agama-agama syirik tidak dengan paksa di dalam masa aman tetapi tidak membantu mengadakan binaan untuk menghidupkan yang syirik kepada Allah. Mereka mesti tegas meletakkan perdirian agamanya kepada mereka yang bukan Islam. Tidak ada tawar-menawar di dalam akidah.

Sebaliknya, pengikut-pengikut Muhammad (S.A.W) itu hendaklah berkasih sayang sesama mereka. Di dalam masyarakat kita hari ini, ada golongan kita berkasih sayang dengan golongan lain dan bekerja memecahkan perpaduan dan persaudaraan Islam sehingga umat Islam berpecah belah dan kucar-kacir – umat Islam sudah sekandang tak sebau lagi – jauh sekali daripada berkasih sayang (*ruḥamā' baynahum*) yang dikehendaki oleh Allah. Umat Islam tidak lagi dilagang di dalam persatuan dan persaudaraannya jika umat Islam di sana-sini berpecah-belah maka mudah sekali kita diperkotak-katikkan.

Umat Arab, menghidupkan perjuangan kebangsaan Arabnya di dalam Palestin – tidak memperjuangkannya di dalam persatuan Islam – ia

jatuh dan gugur dikalahkan oleh musuh padahal masa dahulunya Saiyidina Umar ibnu Al-Khattab mengambil Baitul Maqdis bukan dengan nama bangsa Arab tetapi dengan nama persatuan umat Islam. Kemudian Salahuddin Al-Ayyubi – demikian juga.

Begitu juga hendaknya perjuangan kita menegakkan kedaulatan kita tidak akan berjaya jika tidak mendirikan Islam. Sebab itu dalam menyambut Mawlid Nabawī Sharīf tahun ini kita menyeru umat Islam marilah kita membulatkan tekad menegakkan persatuan umat Islam dengan mendirikan tauhid dan menjalankan *amar ma 'ruf* dan *nahī munkar* adanya.

\* \* \*

## Jika tidak berjuang matinya seperti . . .

Di dalam suatu majlis lawatan rombongan pelawat-pelawat ke sebuah perguruan yang terutama, seorang ketua daripada perguruan itu, setelah menerangkan hal-hal berkenaan perguruanya, telah menerangkan pula dengan ikhlas tugas tiap-tiap kaum Muslimin untuk menegakkan hak-hak Islam di dalam negaranya sendiri. Di antara lain-lain beliau menerangkan keadaan masyarakat Islam hari ini membawa kepada kehancuran. Maksiat berlaku dengan leluasanya – pergaular muda-mudi dikelola dengan bebasnya bahkan digalakkan dan dianjurkan sedang sebagai topeng maka masjid-masjid didirikan – konon-kononnya kelas-kelas agama diadakan padahal yang demikian dicampur-baurkan dengan perbuatan-perbuatan maksiat.